



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB

Tarikh Dibaca :

**24 RABIULAWAL 1444H/
21 OKTOBER 2022M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْ بَدَأْنَا مِنْ آسَافٍ مَلِيصَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB

21 OKTOBER 2022 / 24 RABIULAWAL 1444H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ١٠٢

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa diberkati Allah SWT. Khatib ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar tidak berbual atau tidak bermain telefon ketika khutbah sedang disampaikan kerana ia termasuk dalam perkara yang *lagha* (sia-sia). Disebut dalam Kitab *al-Muktamad Fi Fiqh al-Syafie* berdalilkan dengan hadis dalam Sunan Abi Daud, daripada Ali RA, bahawa beliau mendengar Nabi SAW bersabda:

وَمَنْ لَغَا فَلَيْسَ لَهُ فِي جَمْعَتِهِ تِلْكَ شَيْءٌ

Maksudnya: “Dan barangsiapa yang *lagha* maka dia tidak mendapat bahagiannya daripada Jumaatnya itu”. (Hadis riwayat Abu Daud)

Jadi, berikan tumpuan sebaiknya kepada khutbah yang akan disampaikan. Pada hari ini khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Amanah Dan Tanggungjawab**”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kepimpinan merupakan satu tuntutan utama dalam ajaran Islam yang perlu diberikan perhatian oleh setiap umat Islam. Islam secara umumnya memberikan penekanan utama terhadap persoalan kepimpinan kerana tanpa adanya elemen kepimpinan, urusan pentadbiran individu, masyarakat dan negara tidak dapat dijalankan dengan baik dan sempurna.

Kepimpinan merupakan isu yang besar dan serius, kerana kepimpinan yang baik akan membawa kemakmuran dan keamanan kepada negara, manakala kepimpinan yang buruk dan zalim akan membawa porak-peranda kepada negara.

Kepimpinan perlu ditunaikan dengan penuh tanggungjawab, adil dan amanah kepada setiap golongan yang dipimpin. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Nisaa' ayat 58:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا

بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ۝٨﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat*”.

Kepentingan kepimpinan ini juga terbukti apabila Rasulullah SAW mengesyorkan agar dilantik seorang pemimpin ketika bermusafir walaupun dalam kumpulan yang kecil. Rasulullah SAW turut menggambarkan bahawa semua individu Muslim itu dianggap sebagai khalifah atau pemimpin dan dipertanggungjawabkan terhadap mereka yang berada di bawah kepimpinannya.

Sabda Baginda SAW:

أَلَا فِكْكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Mafhumnya: “Ketahuilah setiap daripada kamu adalah pemimpin, dan setiap daripada kamu akan dipertanggungjawabkan terhadap apa yang dipimpinnya”. (Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)

Berdasarkan pengertian hadis tersebut, kedudukan kepimpinan dalam Islam bermula daripada memimpin diri sendiri dan seterusnya meningkat kepada tanggungjawab terhadap kepimpinan dalam keluarga, masyarakat dan negara. Bagi merealisasikan tanggungjawab kepimpinan ini maka para ulama telah menetapkan beberapa syarat dalam menentukan kelayakan seseorang pemimpin, antaranya ialah keupayaan jasmani, pengetahuan undang-undang, kelayakan ilmu, adil dan menguasai ilmu siyasah, peperangan dan pentadbiran.

Menurut Imam al-Mawardi dalam kitabnya *al-Ahkam al-Sultaniyyah* bahawa: Seorang pemimpin itu hendaklah mempunyai pemikiran yang tajam untuk menjaga siyasah umat, pentadbiran yang menjamin kemaslahatan, berani, berupaya mempertahankan negara dan berjihad menentang musuh. Islam juga telah menggariskan ciri-ciri kepimpinan yang perlu diberi perhatian. Antaranya ialah ‘*al-Qawiyul Amin*’ sepertimana firman Allah SWT dalam Surah al-Qasas, ayat 26:

إِنَّ خَيْرَ مَنْ أَسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ ٢٦

Maksudnya: “Sesungguhnya sebaik-baik pekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah”.

Kuat bermaksud mempunyai kemampuan dan keupayaan untuk mentadbir dari sudut fizikal dan kesihatannya, kemampuan berfikir dan menyelesaikan permasalahan, mempunyai daya kreativiti yang tinggi, mempunyai kebijaksanaan dan kemampuan melaksanakan keadilan kepada semua rakyat tanpa mengira agama dan bangsa.

Manakala amanah pula bermaksud seorang yang boleh dipercayai, tidak mengambil kesempatan dengan kedudukan diperoleh untuk kepentingan peribadi serta menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan sebaik mungkin, jujur dalam kata-kata dan tidak memungkiri janji.

Dalam bahasa yang mudah, kalimah ‘qawiy’ merujuk kepada nilai kompetensi manakala amanah difahami sebagai nilai integriti. Selain dari kuat dan amanah, seorang pemimpin yang baik ialah mereka yang memiliki dan mempertahankan nilai-nilai kelslaman dan ketakwaan. Rasulullah SAW pernah menolak permintaan Abu Dzar al-Ghifari yang menawarkan diri untuk menyandang satu jawatan menerusi sabdanya yang berbunyi: “Wahai Abu Dzar! Kamu seorang yang lemah, sedangkan tugas ini satu amanah, ia menyusahkan dan menjadi satu penyesalan pada hari kiamat nanti, kecuali bagi orang yang mengambilnya secara hak dan menunaikan tanggungjawab yang terpikul di bahunya”. **(Hadis riwayat Imam Muslim)**

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Seorang pemimpin hendaklah berjuang dengan bersungguh-sungguh dan berusaha memakmurkan rakyat dan negara seperti mana peringatan Baginda Nabi SAW:

مَا مِنْ أَمِيرٍ يَلِي أَمْرَ الْمُسْلِمِينَ ثُمَّ لَا يَجْهَدُ لَهُمْ وَيَنْصَحُ إِلَّا لَمْ يَدْخُلْ مَعَهُمُ الْجَنَّةَ

Mafhumnya: “Tidak seorang pun Amir (pemimpin) yang menguasai atau memerintah kaum Muslimin, tetapi dia tidak berjuang dengan sungguh-sungguh dan tidak memberikan pengarahannya untuk kemakmuran (kecukupan/keperluan) mereka, nescaya Allah tidak membolehkannya bersama-sama mereka ke Syurga”. **(Hadis riwayat Imam Muslim)**

HADIRIN SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Penggunaan data dan statistik bukan sahaja melibatkan pentadbiran negara dari sudut ekonomi, sosial, demografi, dan alam sekitar bahkan berkait juga dengan pengurusan hal ehwal Islam. Ilmu berkaitan statistik ini tidak terhad kepada ahli statistik sahaja tetapi ia menjadi amanah dan tanggungjawab serta kerjasama setiap individu dengan memberikan maklumat yang betul dan tepat terhadap sebarang kajian yang dijalankan.

Oleh itu, bersempena dengan Hari Statistik Negara yang disambut pada 20 Oktober setiap tahun, khatib ingin menarik perhatian para Jemaah tentang kepentingan statistik yang membantu merumus kesimpulan secara saintifik berasaskan fakta. Statistik yang tepat dan berkualiti, diiringi dengan kefahaman yang tinggi dalam kalangan masyarakat

akan membantu para pemimpin menghasilkan keputusan yang tepat, agihan sumber yang efektif, meningkatkan daya saing, meningkatkan tahap kecekapan dan pembangunan mapan. Justeru, dengan adanya statistik ini akan meneruskan kelangsungan, kelestarian, keharmonian dan kesepakatan ummah untuk membawa Malaysia terus maju ke hadapan.

Sebagai mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin mengajak sidang jemaah sekalian untuk menghayati intipati khutbah agar ia menjadi pedoman dalam kehidupan kita, antaranya:

Pertama: Islam memberikan penekanan utama terhadap persoalan kepimpinan bagi mengurus tadbir individu, masyarakat dan negara dengan sempurna.

Kedua: Kepimpinan perlu ditunaikan dengan penuh tanggungjawab, adil dan amanah kepada setiap golongan yang dipimpin.

Ketiga: Angkatlah pemimpin yang memiliki dan mempertahankan nilai-nilai kepimpinan Islam agar negara kita dirahmati dan diberkati oleh Allah SWT.

Hayatilah firman Allah SWT menerusi Surah Saad ayat 26:

يٰۤاٰدٰوُدُ اِنَّا جَعَلْنٰكَ خَلِيْفَةً فِى الْاَرْضِ فَاَحْكُم بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوٰى

فَيُضِلَّكَ عَن سَبِيْلِ اللّٰهِ اِنَّ الَّذِيْنَ يَضِلُّوْنَ عَن سَبِيْلِ اللّٰهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيْدٌۢ بِمَا نَسُوْا يَوْمَ

الْحِسَابِ ۝۲۶

Maksudnya: “Wahai Daud! Sesungguhnya kami telah jadikan kamu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum antara manusia dengan benar; dan janganlah kamu menurut nafsumu kerana ia akan menyesatkan kamu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan jalan Allah itu”.

بَارَكَ اللّٰهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْاٰنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَاَيَّكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْاٰيٰتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ اِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. اَقُوْلُ قَوْلِيْ هٰذَا وَاَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ

الْعَظِيمِ لِيْ وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْاَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ اِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
 وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ
 الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam di negara ini supaya kekal bersatu padu atas dasar Islam. Sesungguhnya persaudaraan Islam itu sangat mahal harganya. Hentikanlah segala percakaran dan tinggalkanlah segala perselisihan kerana ia hanya merugikan agama, bangsa dan negara. Walau apa jua perbezaan yang ada, Islam menuntut kepada kesatuan ummah dan bukan alasan untuk saling bermusuhan.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas kekasih kita, Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
 تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
 آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.
 وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ .
اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ
مَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكَ بَكِينِدَا يَغْ دَقْرَتَوَانِ اِكْوَعْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ
الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ .
وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكَ بَكِينِدَا رَاجِ قِرْمَايسُورِي اِكْوَعْ،
تُونُوكُو حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونِهِ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ
سُلْطَانَ إِسْكَندَرَ الْحَاجِ .
اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .
اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَّنَ ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً ، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ ، وَالْجُنُونِ ، وَالْجُدَامِ ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ ، يَا
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.